UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PROSIDING



Seminar INSIGHTS 2002
Universiti Teknologi MARA

BRC (Biro Penyelidikan & Perundingan), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia

© 2001. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Hak cipta Terpelihara.

Sila majukan sebarang pertanyaan kepada:

Penolong Naib Canselor(Penyelidikan)
Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor, Malaysia

Tel : 603 5544 2094 / 2093 / 2092
Fax : 603 5544 2096
e-mel : azniz132@salam.uitm.edu.my



Jawatankuasa Penyunting

Penaung	:	Y. Berbahagia Datuk Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
Penasihat	:	Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Abdul Halim Mohd.Nawawi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Penyelidikan Universiti Teknologi MARA
Ketua Penyunting	:	Prof. Dr. Azni Zain Ahmed Penolong Naib Canselor(Penyelidikan) Universiti Teknologi MARA
Penyunting	:	Prof. Madya Dr. Zainon Mohd. Noor Koordinator Penyelidikan (Sains dan Teknologi) Prof. Madya Dr. Rosmimah Mohd.Noor Kooordinator Penyelidikan (Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan)
Lembaga Penyunting:		Prof. Madya Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar Dr. Rashidah Abd. Rahman Cik Dapeah Ahmad

KAJIAN TERHADAP FALSAFAH,IDEA, SUBJEK DAN GAYA PELUKIS-PELUKIS KONTEMPORARI MALAYSIA DEKAD 80AN DAN 90AN

Ahmad Rashidi Bin Hasan
UiTM Cawangan Melaka

ABSTRAK

Penyelidikan ini dibuat berhasrat untuk mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin tentang pelukis-pelukis moden Malaysia yang bergiat aktif sepanjang dekad 80an dan 90an lalu. Pengumpulan maklumat ini adalah penting dipandang dari sudut perkembangan sejarah seni lukis moden Malaysia kerana segala perkembangan seni lukis yang berlaku hari ini akan menjadi sejarah seni lukis negara pada masa akan datang. Penyelidikan ini bertumpu untuk mendokumenkan maklumat tentang pelukis serta karya dan pengkaryaan mereka dan memberi gambaran umum tentang perkembangan seni lukis di Malaysia.

PENGENALAN

Sesebuah karya, sama ada ia sebuah seni lukis, muzik, puisi drama atau sebagainya adalah sebuah persembahan untuk dinikmati atau untuk apresiasi. Ia tidak wujud dalam kekosongan. Seniman tidak berkarya dalam kelowongan akal. Sesebuah karya seni itu adalah percikan dan pantulan idea senimannya. Ia adalah manifestasi jiwa dan perasaan penciptanya yang terhasil dari idea dan pemikiran yang terungkap akibat pemerhatian dan ransangan yang diterimanya dari alam dan sekitarnya. Idea seseorang seniman itu dicetus oleh sesuatu. Kepakaran dan kesenimanannyalah yang membolehkan ia diadun dan digarap sehingga terhasillah sebuah ciptaan yang bermakna. Karya yang kita lihat itu adalah sebuah hasil yang telah melalui proses pemikiran dan kemahiran dan bukan proses kraf semata-mata.

Seni lukis adalah sebahagian budaya masyarakat. Ia memaparkan pemikiran. Seni adalah perluahan idea yang unik dan tidak terungkap oleh bahasa. Seni adalah persembahan pemikiran yang tersirat melalui suratan yang indah. Seni lukis mempunyai bahasanya sendiri yang tidak semua audiennya dapat mengerti. Kajian ini adalah penting dalam mencatat pemikiran seniman melalui pengkaryaan. Pastinya, kajian ini akan menjadi sebuah rujukan dalam menghurai sejarah seni lukis di Malaysia ini.

MASALAH PENYELIDIKAN

Penulisan ini adalah hasil sebuah kajian yang menyorot dalam tentang pemikiran atau idea yang mendasari karya-karya seni lukis kontemporari Malaysia. Kajian yang telah dibuat itu berusaha untuk menghurai dan mencerakin sudut-sudut pemikiran yang terkandung dalam sesebuah karya itu. Kajian dibuat dengan mengenali diri pelukis

itu sendiri, aliran falsafah dan gayanya serta subjek imejnya. Apresiasi dijalankan ke atas karya-karya mereka menurut cara dan pandangan Rosalind Ragan1 dengan membahagikan karya tampak ini kepada tiga ciri asas- subjek; komposisi;isi. Bagi tujuan kefahaman hubungan bentuk dan isi yang lebih komprehensif, kajian ini juga menggunakan kaedah apresiasi O G Ocvirk et.al 2 yang membuat kajian melalui pendekatan bentuk, isi dan makna. Kaedah O G Ocvirk mirip dengan kaedah apresiasi Tansey dan Kliener tetapi penulis yang terkemudian ini mementingkan juga pelukis dan pemikirannya3.

Jika disoroti dengan lebih mendalam adalah didapati sudut-sudut apresiasi sesebuah karya itu adalah seakan sama di kalangan penulis-penulis yang disebutkan tadi. Dalam hal kajian ini penyelidik merumuskan untuk mengkaji karya-karya pelukis dari sudut pemikiran. Ini merangkumi aspek falsafah atau gaya, idea dan subjek atau imej karya berkenaan.

Falsafah dan gaya sangat rapat berhubung dalam penampilan sesebuah karya seni lukis itu. Falsafah seni sebagai peniruan4 yang ditemui oleh Plato dalam zaman purba Yunani akan menghasilkan gaya realisme dalam seni lukis. Falsafah seni sebagai bentukan signifikan5 yang disaran Clive Bell melahirkan karya-karya yang mementingkan keindahan formal semata dan mengenepikan soal isi dan makna. Karya ini ditemui dalam penampilan idea oleh pelukis pos-impresionis. Falsafah seni sebagai ekspresi6 yang ditemui oleh Groce dan Collingwood pula melahirkan seni lukis moden yang mampu menyampaikan perluahan perasaan seniman malah mampu menjangkitkan7 perasaan kepada audiennya. Seni sebagai ekspresi idea yang dihujahkan oleh Santayana (1896) pula merangkumi persoalan hubungan seni dengan masyarakat, moral, etika dan nilai8. Idea ini melahirkan karya ekspresionis dan juga ekpresionis abstrak. Setiap pelukis dan setiap karya mempunyai falsafah ini sebagai dasar karya mereka.

Dalam aspek idea dan subjek, kajian ini berusaha mencari apakah subjek-subjek yang diutarakan oleh pelukis. Ia akan menjawab persoalan mengapa pelukis memilih imej-imej tertentu dalam berkarya. Mengapa mereka memilih sesuatu subjek itu sebagai identiti karya mereka. Pelukis memandang sesuatu itu dengan makna dan mereka amat sensitif dengan apa yang mereka lihat dan ini melahirkan intuisi9 Penemuan ini akan menjelaskan dengan sendirinya pemikiran di sebalik sesebuah karya itu serta isi, makna dan mesej yang ingin disampaikannya.

PROSIDUR DAN METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam mencari jawapan kepada persoalan ini, penulis telah memilih 30 orang pelukis tersohor kontemporari Malaysia yang aktif berkarya dalam dekad 80an dan 90an. Hanya 22 orang sahaja yang memberi respons. 9 daripada pelukis-pelukis tersebut adalah mereka yang bergiat aktif dalam dua dekad 80an dan 90an dan selebihnya adalah mereka yang aktif dalam dekad 90an sahaja. Kumpulan pelukis ini bolehlah dianggap sebagai pelukis generasi baru Malaysia. Tujuan memilih pelukis dekad 80an dan 90an ini adalah untuk mengenal pasti pekembangan terkini dan terakhir bidang seni lukis di Malaysia. Berdasarkan 78 buah karya

dari 22 orang pelukis inilah kajian ini dibuat. Pelukis-pelukis yang terlibat terdapat seperti dalam lampiran 'B'.

Kajian dibuat terhadap pelukis dan karyanya ini dibuat berasaskan teknik apresiasi yang disarankan oleh Tansey dan Kliener (1996). Antara aspek yang dibuat analisis ialah

a- Latar Belakang Pelukis
b- Falsafah dan Idea
c- Subjek dan Imej
d- Gaya dan Ciri Persembahan dan
e- Bahan dan Media.

Kelima-lima sudut ini dikaji kerana ia mempunyai kaitan antara satu dengan lain dan mampu menyorot karya pelukis secara lebih komprehensif. Latar belakang penulis dikaji dengan hasrat untuk mengenal pelukis dari sudut pendidikannya. Pelukis yang terdidik secara formal di sekolah seni lukis mempunyai kefahaman yang berbeza dan komprehensif dari pelukis belajar sendiri. Pengalaman pelukis juga mampu memberikan impak kepada karya mereka.

Dalam aspek falsafah dan idea, analisis dibuat ke atas karya pelukis untuk mengenal pasti apakah pendirian pelukis terhadap seni itu sendiri. Pelukis dibahagikan kepada kategori-kategori falsafah seperti seni sebagai peniruan, seni sebagai ekpresi emosi, seni sebagai ekspresi idea, seni sebagai ekpresi keindahan dan sebagainya.

Falsafah seni seseorang pelukis itu berkait rapat dengan subjek dan imej yang dipaparkannya dan juga dengan gaya atau stail pelukis itu. Oleh itu kedua-dua aspek ini turut dibuat analisis bagi mengkategorikan pelukis-pelukis itu dalam gaya masing-masing.

Setelah analisis dibuat ke atas setiap karya itu, penulis mengkategorikan pelukis dalam aspek falsafah dan idea, subjek dan imej serta gaya dan ciri persembahan. Lampiran 'B' juga turut menyenaraikan pelukis serta kategorinya menurut kajian penulis.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, penulis menemui beberapa rumusan berkaitan perkembangan seni lukis kontemporari Malaysia hari ini.

Pengkategorian yang dibuat oleh penulis adalah menurut pandangan dan kajian penulis sahaja berdasarkan maklumat dan pengkaryaan pelukis. Ia mungkin tidak tepat dan tidak dikongsi bersama oleh pendapat yang lain.

ANALISIS DATA

Merujuk kepada Lampiran 'B', falsafah seni sebagai peniruan masih segar berkembang di Malaysia. 7 orang pelukis berkarya dengan pegangan falsafah ini tetapi kebanyak pelukis ini adalah pelukis yang belajar sendiri (self-taught) kecuali Amron Omar dan Samjis Md. Jan. Kesemua pelukis yang berpegang kepada falsafah ini mempersembahkan karya mereka dengan menggunakan gaya realis. Walau pun ada

kecenderungan untuk membuat akstraksi terhadap karya mereka, pelukis ini masih dibelenggu gaya realis yang nyata.

Kajian ini juga mendapati pelukis Malaysia sangat cenderung kepada melahirkan sesuatu yang bermakna dan bermanfaat untuk masyarakat. Oleh itu majoriti pelukis yang ditemubual sentiasa sahaja memberikan makna terhadap persembahan karyanya. Walau bagaimana pun 11 orang pelukis didapati pelukis yang benar-benar melukis untuk mengongsi idea mereka dengan masyarakat. Idea yang mereka ingin kongsikan itu pula merupakan idea yang berbentuk falsafah termasuk unsur kemanusiaan, ketuhanan, budaya dan persoalan diri. Pencitraan pelukis-pelukis kumpulan ini adalah berbagai. Shukri Ahmad, Din Omar, Roslisham Ismail mempersembahankan idea mereka melalui gaya Seni Pop. Aza Osman dan Zainon memaprkan ideanya pula melalui gaya ekpresionis. Zaim dan Hamdan menyerlahkan idea mereka melalui persembahan realisme mereka.

Kefahaman seni sebagai ekspresi emosi ternyata jelas dalam karya Yusof Ghani dan Awang Damit. Kedua-dua pelukis ini yang berpegang kepda pengalaman sebagai subjek menggunakan gaya abgstrak-ekspresionis untuk meluahkan pernyataan emosinya. Raja Shahariman turut berpegang kepada konsep ini tetapi meluahkan emosinya melalui konstruksi besi dan logam terbuang dengan penampilan karya yang berbentuk ekspresionis.

Terdapat juga pelukis berkarya untuk menghasilkan bentuk-bentuk yang indah. Elemen tampak disusun dan diterokai menyerlahkan sebuah keindahan yang tersendiri. Norizan Muslim, Baharom, Azahar Manan dan Juhari Said adalah antara pelukis yang tergolong dalam konsep ini.

Dari segi subjek dan idea pula, keseluruhannya, pelukis Malaysia dekad 80an dan 90an ini amat cenderung kepada memilih subjek tempatan sebagai citra wajah karya mereka. Lanskap, seascape, riverscape figura dan genre adalah pilihan lazim pelukis realisme. Bahan budaya seperti tepak sirih, batu bersurat, karikatur diolah dalam bentuk seni pop. Terdapat juga pelukis menggunakan bahan dan media alam semula jadi sebagai imej atau media karya seperti kayu (Azahar) dan daun (Fauzin). Lambang dan budaya kehidupan futuristik digarap oleh Shukri Ahmad dengan penampilan citra disket, kod bar dan tali lehernya.

Terdapat juga pelukis yang menggunakan emosi sebagai idea dan citra. Yusof Ghani dan Awang Damit memaparkan perasaannya sebagai imej karyanya.

RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat adalah didapati bahawa seni lukis di Malaysia mengalami satu suasana kepelbagaian dari segi idea, falsafah dan subjek karya. Suasana di persada seni lukis negara kini menyokong saranan Dr. Muliyadi Mahamood yang menyatakannya sebagai suasana era pluralis10. Persada seni lukis Malaysia sedang mengalami kepelbagaian falsafah, subjek idea dan gaya. Dari falsafah kuno Yunani 'seni sebagai peniruan' dengan gaya realisme sehingga lah

kepada idea pasca modenis dan seni pop Amerika, semua falsafah dan gaya ini wujud dalam persada seni lukis kontemporari Malaysia.

Jika pada tahun 60an dan 70an perkembangan seni lukis seolah-olah dilihat sebagai dipengaruhi atau meniru perkembangan dunia seni lukis barat, perkembangan seni lukis dekad 80an dan 90an ini dilihat sebagai eksplorasi falsafah dan idea baru. Walau pun pelukis lihat seakan meniru konsep barat, tetapi pelukis Malaysia sebenarnya amat jujur dengan diri sendiri dan berusaha ke arah menampilkan citra Malaysia, cuma falsafah dan idea seni ini telah lebih dahului ditemu dan didokumenkan oleh dunia barat.

Pelukis-pelukis dekad 90an ini juga didapati cenderung untuk menampilkan keberanian untuk bebas dari kongkongan kefahaman seni moden dan berusaha mencari pembaharuan dari segi idea dan persembahan karya. Kepelbagaian bentuk dan pembaharuan ini amat jelas dlam sesetengah karya pelukis.

Dari segi idea dan subjek, pelukis dekad 80an dan 90an cukup sedar dengan pentingnya pencarian terhadap identit citra Malaysia dalam karya mereka. Pelukis berusaha menampilkan sesuatu yang 'Malaysia', sebuah kesedaran yang bermula pada dekad 70an yang sangat kental terus dicari sehingga ke dekad 90an ini.

Sesuatu yang agak menarik perhatian ialah kecenderungan pelukis untuk memberi makna terhadap karya mereka. Pelukis Malaysia sangat mementing isi dan makna atau mesej yang ingin disampaikan. Semua pelukis yang dikaji dapat menghurai dan menerangkan isi, makna atau mesej karya mereka. Konsep seni sebagai bentukan unggul atau formalis dalam ertikata sebenarnya bukan menjadi ikutan pelukis Malaysia.

Kajian ini juga mendapati bahawa kefahaman Seni Islam wujud dalam diri pelukis. Pelukis turut mengambil bahagian dalam pameran Kesenian Islam yang diadakan dari masa ke masa dan pelukis merasakan karya mereka juga pada sesuatu peringkat bertujuan untuk kepentingan kegamaan sama ada dari sudut tujuan, mesej, citra dan falsafahnya.

RUJUKAN

Ragan,R., Arttalk, 2nd. Ed. (New York, 1995) hal. 5

Ocvirk, O.G., et.al Art Fundamentals, 1996 hal 6

Tansey R.G. and Kliener, F.S., Gardner's Art Through The Ages, London, Harcourt Brase College Publishers. Hal 32

Falsafah seni sebagai peniruan yang dihujahkannya dalam bentuk 'Dialog Socratic'. Matlamat peniruannya ialah menuju kesempurnaan. Bentukan tersempurna juga di kaitkan dengan keindahan, idea atau corak dan bersifat sempurna, benar, arif dan baik dari sudut moral yang menuju kepada keindahan trancedental

Falsafah seni sebagai bentukan signifikan ini dihujahkan oleh Clive Bell yang menekankan seni sebagai bentukan formalistik semata-mata atau unsur tampakan sahaja dan tiada hubungan atau kerelevanannya dengan tema, subjek dan cerita atau isi.

Seni sebagai ekspresi dihujahkan oleh Groce dan Collingwood menekankan kepada perluahan perasaan dan emosi. Seni bukanlah sesuatu yang representatif dan pelukis bukan peniru. Seni bukanlah hasil tetapi juga proses. Proses seninya menurut intuisi dan berlaku secara bawah sedar.

Seni sebagai ekspresi yang dihujahkan oleh Leo Tolstoy menyarankan bahawa perasaan yang diluahkan oleh pelukis itu harus mampu berjangkit(infection) ke dalam diri audien.

Santayana dalam bukunya 'Sense of Beauty' menekankan idea, nilai (values) moral dan etika dalam keindahan seni.

Intuisi adalah saranan Groce dan Collingwood yang menyatakan bahawa ilham, idea seni atau instuisi ini adalah kebolehan semula jadi seniman yang membezakan ia dengan insan yang lain.

Muliyadi Mahamood, 2001, Seni Lukis Moden Malaysia, Utusan Publications, Kuala Lumpur.

BIBLIOGRAFI

Ahmad Al-Husna, 1991. Amron Omar. Berita Harian, Jan. 18, 1991, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Ahmad Rashidi bin Hasan, 2001. Sejarah Seni Lukis -Sepintas Lalu, Karisma Publications, Shah Alam.

Ahmad Redza Piyadasa, 1997. Ahmad Shukri. Katalog Pameran, Art Salon, Kuala Lumpur.

Arnason, H.H., 1986. History of Modern Art:Painting, Sculpture, Architecture, New York, Harry N. Abrams, Inc.

Anita Devasahayam, 1988. Harmony in Sculpture; The Star Dec. 5th1988, Star Publications, Kuala Lumpur.

Azman Ismail,1999. Citra Malaysia.diperlihatkan dalam seni Kanvas, Utusan Malaysia, Jun 26,1999, Utusan Publications, Kuala Lumpur.

Branin, L., 1997, Great Artists of the World. Smithmark Publishers, New York

Badrol Hisham Mohamad Tahir,2000. . HIJAU- Rhythmn of Nature, Katalog Pameran, Art case, Gallery, Kuala Lumpur

Balai Seni Lukis Negara, 1995. Catalog Pameran Philip Morris Asean Art Award, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1996. Catalog Pameran Philip Morris Asean Art Award, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1998. Catalog Pameran Philip Morris Asean Art Award, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1992. Bakat Muda Sezaman, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1994. Bakat Muda Sezaman, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1998. Bakat Muda Sezaman, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1992. Identiti Islam Dalam Senirupa Malaysia: Pencapaian dan Cabaran. BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1991, Identiti Islam dalam Seni Rupa Malaysia, BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1993. Rupa & Jiwa: Kesinambungan Tradisi Dalam Seni Rupa Malaysia Sezaman. BSLN, Kuala Lumpur.

Balai Seni Lukis Negara, 1984. Malaysia Indah, Katalog Pameran, BSLN., Kuala Lumpur.

Delia Paul, 1998. Marking Hiroshima Day: The Sunday Star August 14, 1988 , Star Publication, Kuala Lumpur.

Dominic J Puthucheary, 1998. Art Exhibition. Katalog Pameran, Joshua Art Gallery, Kuala Lumpur.

Dzul Haimi Md. Zain, 1991, Senirupa Islam Malaysia:Tradisional dan Sezaman. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.

Dzul Haimi Md. Zain, 2000. HIJAU- Rhythmn of Nature, Katalog Pameran, Artcase Gallery, Kuala Lumpur.

Fouser, R.J., 1998. Catalog Pameran Philip Morris Asean Art Award, BSLN, Kuala Lumpur.

Helen Ann Peters, 1997. Ahmad Shukri. Katalog Pameran, Art Salon, Kuala Lumpur.

Jabatan Seni Halus, UiTM, 2000, Bentuk & Makna, UiTM, Shah Alam.

Jamudin Idris, 1998, Pameran Perolehan Terkini BSLN seningga 20 Mac. Berita Harian, Feb. 23. Berita Publishing.

Janson, H.W. and Janson, D.J., 1977. The Story of Painting, Harry N. Abrams, Inc. . New York

J Anu, 1999. Pictures with a difference, Sunday Starm June 120th 1999, Star Publications, Kuala Lumpur.

Jamudin Idris , 1999. Tiga Pelukis Bersatu Adakan Pameran, Berita Harian Jun 24, 1999, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Katalog Pameran, 1999. Indifferent Being Different, WS Art & Frames Center, Kuala Lumpur.

Katalog Pameran,1995. Juhari Said, Art Salon, Kuala Lumpur

Katalog Pameran, 1999. aku 99 Potret Diri, Petronas, Kuala Lumpur.

Katalog Pameran, 1997. Echoes of Infinity, Galeri FSSR, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Katalog Pameran, 1996. Solo Exhibiton Abdul Ghani Ahmad, Kuala Lumpur

Kerajaan Negeri Kedah, 1999. Aspirasi 2000, Bidara, Alor Setar, Kedah.

K. Anuradha, 1996, Looking through the eyes of a portrait artist, The New Straits Time, April 3rd., 1996, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka UiTM, Semurni - Jurnal Pengucapan Islam Dalam Kesenian, Bil. 2/99, Jan/Jun 1999, UiTM, Shah Alam.

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka UiTM, Semurni - Jurnal Pengucapan Islam Dalam Kesenian, Bil. 1/97, Jun/Dis 1997, ITM, Shah Alam.

Lena Low, 1995. Dari Bumi ke Bumi, Katalog Pameran, Art Salon, Kuala Lumpur.

Malaysian Watercolour Organisation,1997, Landscapes of Malaysia, MWO, Kuala Lumpur.

Malaysian Watercolour Organisation,1986, Cat Air Malaysia 86, MWO, Kuala Lumpur.

Margie Leo, 1995. Zainon Memapar Masalah Manusia Sejagat, Fantasi Ogos 1995, Karangkraf, Kuala Lumpur.

Maybank Art Gallery, 1998 A.R.T. Exhibition, Katalog Pameran, Galeri Maybank, Kuala Lumpur.

Muliyadi Mahamood, 1992. Era Pluralis Dalam Seni Moden Malaysia, Fantasi, Januari 1992, Kuala Lumpur.

Muliyadi Mahamood, 2001. Seni Lukis Moden Malaysia;Era Perintis Hingga Era Pluralis (1939 - 1990), Utusan Pub., Kuala Lumpur.

Muliyadi Mahamood, 1995. Seni Lukis dalam Peristiwa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Muliyadi Mahamood, 1992. Din Omar: Antara Nasi Bungkus Dengan Kesenian, Mastika, Mac. 1992, Utusan Publication, Kuala Lumpur.

Muliyadi Mohamood, 1996. Heritage and Tradition in Abdul Ghani Ahmad's Watercolours. Katalog Pameran Solo Exhibition, Abdul Ghani Ahmad, 1996.

Niranjan Rajah, 1999. Renungan Tentang Potret Diri dalam Seni Lukis Kontemporari Malaysia -aku '99, Petronas, Kuala Lumpur.

Norhayati Hashim, 1990. Samjis Pelukis Potret yang Istimewa: Mastika, Januari 1990. Utusan Publication, Kuala Lumpur.

Ooi Kok Chuen, 1999. Life as Seen by Three Artist, New Straits Times June 21st, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Ooi Kok Chuen, 1996. A Fresh Look at Cultural Wares, New Straits Times, 14th Mei 1995, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Ooi Kok Chuen, 1996. Portarait of The Artist as Struggler, New Straits Times, 13th Sept. 1985, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Osman Bakar Dato' Dr., 1995.. Kesenian Islam. Atalog Pameran, BSLN, Kuala Lumpur.

Othman Yatim, 1989, Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam. Dewan Bahsa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Otto, G.O., 1990, Art Fundamentals - Theory and Practice, (7th ed.), Brown and Benchmark, London.

Peter Yap, 1995. Dimensional Appeal, The Sun Saturday April 1, 1995, Kuala Lumpur.

Rahimie Harun, 1999. Indifferent Being Different, WS Art & Frames Center, Kuala Lumpur.

Ruzaika Omar Basaree, 1995. Kesenian Islam - Satu Perspektif Malaysia, Katalog Pameran, BSLN, Kuala Lumpur.

Tansey, R.G. and Kliener, F.S., Gardner's Art Through The Ages. Harcourt Brase College Publishers. London.

Salina Khalid, 1996. A Blend of The Old and The New, The Star, April 3rd 1995, Star Publication, Kuala Lumpur.

Suryani Dalip, 1998. Shared Vision at Art Show, NST, Aug. 4 1998, Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Suara Jiwa 1997. Journey, Katalog Pameran, Perbadanan Muzium Melaka(PERZIM)/UiTM

Sunday Star, 1998. Eventful and Exhausting Year of Art, Sunday Star, De. 27th, Star Publications, Kuala Lumpur.

Siti Zainon Ismail, 1989. Percikan Seni, DBP, Kuala Lumpur.

T.K. Sabapathy, Redza Piyadasa, 1983. Modern Artists of Malaysia, Dewan Bahasan dan Pustaka dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Teng Chok Dee, 1984, Painter With an eye for Himself. The Star, Nov. 4th., 1984, Star Publications.

Teng Chok Dee, 1984, Like Gems in The Mud. The Sunday Star, Dec. 30th., 1984, Star Publications

Utusan Malaysia, 1996. Kelainan dalam Reflection Series, Utusan Publication, Kuala Lumpur.

Universiti Teknologi MARA, 1998. Inti, Jurnal Perintis Pendidikan Seni Lukis dan Seni Reka Jld. XIII, Bilangan I dan II, UiTM, Shah Alam.

Wong Hoy Cheong, 1996. Gerak Tempur. Katalog Pameran, Art Salon, Kuala Lumpur.

Zakaria Ali, 1999. Nota Tentang Catan Potret, aku 99 - Potret Diri, Petronas, Kuala Lumpur.